

1984

KUALA LUMPUR, 30 OKT. (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB **MENEKAN INGGIT DI PASARAN MATAWANG AGING BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI DATUM SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN MALAM INI.**

**DEMIMENGSYAKI BAHAWA KEKECOHAN DI PASARAN MATAWANG ASING PADA 5 OKT. BERPUNCA DARIPADA MEREKA YANG +TAMAK MELEBIHI KOMITMEN MEREKA KEPADA ETIKA+, PERDANA MENTERI BERKATA INI MEMBUKTIKAN BAHAWA ADALAH BERBAHAYA BAGI MEREKA YANG TERLIBAT DIBENARKAN BERADA DALAM PERNIAGAAN MATAWANG.**

DALAM UCAPANNYA YANG **BERNADAKERAS DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN BERSAMA PERSATUAN BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI, BELIAU BERKATA SISTEM MATAWANG DUNIA SEKARANG ADALAH DALAM KEADAAN ANARKI.**

MATAWANG KINI MERUPAKAN SALAH SATU KOMODITI YANG DIDAGANGKAN **SEPERTI GETAH, TIMAH ATAU MINYAK SAWIT DAN OLEH ITU IA TERDEDIAH KEPADA PERMAINAN PARA SPEKULATOR.**

**+SESUNGGUHNYA INI MERUPAKAN PERNIAGAAN YANG BERBAHAYA KERANA KITA TIDAK AKAN PASTI BAHAWA BANK JUGA TIDAK AKAN TERDORONG UNTUK MENURUNKAN NILAI WANG DAN MENAIKKANNYA SEMULA SEMATA-MATA UNTUK Mencari Keuntungan, + TAMBAHNYA.**

BELIAU BERKATA, **+KERAJAAN INI TIDAK PERCAYA BAHAWA PENURUNAN NILAI AKAN MENGATA'SI SEMUA MASALAH EKONOMINYA. HANYA MUTU DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI SAHAJA YANG BOLEH, MENYELESAIKANNYA. + --LAGI**  
2114MST 30 10 84

MAHATHIR - R I N G G I T 2 KUALALUMPUR

MENYENTUH KEGELISAHAN DALAM SISTEM MATAWANG, PERDANA MENTERI BERKATA PADA SATU MASADULU KADAR TUKARAN ASING DI ANTARA PELBAGAI MATAWANG DARI BERBAGAI-BAGAI NE G A R A DITETAPKAN, TETAPI KINI SISTEM ITU TIDAK DIAMALKAN LAGI.

KERAJAAN-KERAJAAN KERAPKALI TIDAK BERKUASA UNTUK MENENTUKAN NILAI MATAWANG MEREKA SENDIRI, DAN WALAUPUN SIMPANAN MEREKA DIBUAT DALAM BEBERAPA MATAWANG, YANG BERLAINAN BAGI MENGURANGKAN KESAN DARIPADA KEJATUHAN MANA-MANA SATU MATAWANG, TETAPI NAIK TURUN MATAWANG TERUS BERLAKU.

BELIAU BERKATA SEMENTARA NAIK TURUN HARGA KOMODITI YANG BIASA HANYA MEMBERI KESAN EKONOMI YANG TERHAD, TETAPI PERUBAHAN DALAM NILAI WANG BOLEH MEMBERI KESAN KEPADA KESELURUHAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN KALANGAN KEWANGAN TENTANG TANGGUNGJAWABNYA KEPADA MASYARAKAT, MENGAMBIL CONTOH KES PINJAMAN BMF DI HONG HONG SEBAGAI SATU PENGAJARAN.

BMF MENUNJUKKAN BAHAWA TANPA PERHATIAN KEPADA PENGURUSAN YANG BAIK DAN PENGAWASAN YANG CEKAP, KESILAPAN BESAR BOLEH BERLAKU.

BELIAU MAHU PARA PENGURUS INSTITUSI KEWANGAN SUPAYA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA DAN MELIBATKAN DIRI DALAM HAL-ELHAL INSTITUSI DI BAWAH JAGAAN MEREKA..

INILAH SEBABNYA KERAJAAN TELAH MENGASINGKAN PARA PENERUSI BUKAN EKSEKUTIF DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DI BEBERAPA PERUSAHAAN AWAM. --BERNAMA

2129MST 30 10 84

D622